



# DASAR-DASAR KERAJAAN

# PENDAHULUAN

- Matlamat untuk menjadi sebuah negara yang makmur lagi bersatu padu berasaskan sistem demokrasi dalam suasana pembangunan yang aman dan stabil.
- Mempunyai keunikan tersendiri
  - Terbahagi kepada dua wilayah iaitu Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.
  - Berbilang bangsa, keturunan, agama dan kebudayaan.
  - Mempunyai hasil bumi seperti petroleum, timah dan sebagainya
  - Tidak menghadapi masalah bencana alam.
- Oleh itu Malaysia perlu mempunyai dasar yang bukan sahaja dapat mengembleng sumber-sumber tetapi boleh mengurangkan jurang perbezaan antara kaum dan wilayah (Memantap perpaduan dan integrasi nasional).

# Perspektif Sejarah

## 1. Era Penjajahan British

- Matlamat pemerintahan penjajah mendapatkan seberapa banyak hasil yang boleh untuk dibawa pulang ke negaranya.
- Akibatnya negara masih mempunyai ciri samada dari segi fizikal atau mental yang menghalang pengujudan satu masyarakat bersatupadu.
- Kedudukan ekonomi tidak seimbang antara kaum dan wilayah.

## 2. Era Malayan Union (1946) – Kemerdekaan (1957)

- Wujud perasaan kebangsaan yang berkobar-kobar disamping peningkatan penglibatan pemerintah dalam perkhidmatan awam.
- Wujud pergerakan politik berasaskan satu-satu kaum

# Perspektif Sejarah (Samb..)

## 3. Era Kemerdekaan - Peristiwa 13 Mei 1969

- Mendedahkan betapa penting keseimbangan antara kemajuan sosiopolitik negara dengan kemajuan dan pengagihan pendapatan pelbagai kaum.
- Pembahagian gunatenaga dan kegiatan ekonomi dilakukan mengikut kaum.
- Asas perpaduan dan isu sensitif terhadap kewarganegaraan dan kedudukan hak istimewa terus dipersoalkan menyebabkan tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

## 4. Era Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990)

- Untuk mencapai perpaduan negara melalui penghapusan penghalang utamanya iaitu kemiskinan dan struktur sosiopolitik dan ekonomi yang tidak seimbang.
- Rukun negara diperkenal.
- Perkembangan pesat sejak dilancar pada 1971.
- Kemelesetan pada tahun 1980an – pencapaian DEB terbantut.

# Perspektif Sejarah (Samb..)

## 5. Era Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000)

- Digubal berteraskan Wawasan 2020
- Mengekalkan matlamat DEB untuk mencapai pembangunan seimbang dan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama.
- Dimesi tambahan: Isu pembangunan sumber manusia, sains dan teknologi teras penting dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi serta perlindungan alam sekitar dan ekologi.

## 6. Era Dasar Wawasan Negara (2001-2010)

- Tujuan DWN untuk membina bangsa Malaysia yang progresif dan makmur serta hidup dalam harmoni.
- Meneruskan usaha-usaha dalam rancangan pembangunan lepas disamping memperkukuhkan asas peralihan kepada sebuah negara maju.
- Mengabungkan strategi utama DEB dan DPN.

# Dasar Awam Malaysia

- Pengubalan dan pelaksanaan dasar-dasar adalah selaras dnrgan nilai sosioekonomi dan politik negara pada satu-satu masa.
- Digubal dan dilaksanakan bagi memenuhi objektif sosioekonomi seperti pertumbuhan ekonomi, pengagihan pendapatan, kestabilan dan kebajikan (Kesejahteraan) umum
- Dasar Awam yang akan dibincangkan seperti:
  - a. Dasar Ekonomi Baru
  - b. Dasar Pembangunan Nasional.
  - b. Dasar Wawasan Negara.
  - c. Dasar Perindustrian Negara.
  - d. Dasar Persyarikatan Malaysia.
  - e. Dasar Penswastaan.
  - f. Lain-Lain Dasar.



**DASAR EKONOMI BARU  
(RRJP 2: 1971 - 1995)  
(RM2 – RM5)**

# PENGENALAN

- Satu rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara dalam masyarakat berbilang kaum.
- Mengandungi dasar-dasar dan strategi-strategi untuk mempercepatkan pembangunan sosio-ekonomi dan, dalam masa yang sama, menentukan perkhidmatan-perkhidmatan dan pengagihan peluang-peluang yang saksama untuk menyertai dan mendapat faedah daripada proses pembangunan.
- Wujud masalah kemiskinan yang ketara dan gunatenaga yang rendah terutamanya di kalangan Bumiputera dan ketidakseimbangan dari segi pendapatan dan ekonomi antara pelbagai kaum. Oleh yang demikian DEB telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menguruskan proses pembangunan negara melalui pewujudan persekitaran sosio-ekonomi yang menyediakan peluang-peluang untuk memajukan semua warganegara Malaysia.

## DEB

DEB MENUMPUKAN KEPADA PENGAGIHAN EKONOMI MELALUI:

- PEMBASMIAN KEMISKINAN DI KALANGAN SEMUA RAKYAT TANPA MENGIIRA KAUM
- PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKT SUPAYA MENGURANG DAN AKHIRNYA MENGHAPUSKAN PENGENALAN KAUM MENGIKUT FUNGSI-FUNGSI EKONOMI DAN KAWASAN

## Tujuan Dasar, Program Dan Projek

Kedua-dua matlamat tersebut dicapai melalui dasar, program dan projek yang digubal untuk:

- menambah peluang pekerjaan kepada kadar yang cukup untuk mengurangkan tahap pengangguran semasa dan akhirnya mencapai gunatenga penuh.
- meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka yang terlibat dalam aktiviti yang memberi pulangan yang rendah di luar bandar dan di bandar dengan meningkatkan peluang menambah kemahiran, tanah, modal dan sumber-sumber lain yang akhirnya mengurangkan gunatenaga yang rendah.
- Memperluaskan peluang-peluang bagi mereka yang terlibat dalam aktiviti yang kurang produktif supaya beralih kepada aktiviti-aktiviti yang lebih produktif seperti pertanian, perhutanan, perikanan, perlombongan, pembinaan, pengangkutan, perkilangan, perdagangan dan industri.

## Tujuan Dasar, Program Dan Projek (samb..)

- mengurangkan taburan pendapatan yang tidak seimbang antara kelas pendapatan dan kaum.
- memodenkan kehidupan luar bandar dan memperbaiki keadaan hidup golongan miskin di kawasan bandar melalui pemberian perkhidmatan sosial yang banyak seperti rumah awam, elektrik, bekalan air paip, pengangkutan, kesihatan dan perubatan, rekreasi dan kemudahan sosial.
- menggalak pewujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera (MPPB) supaya dalam tempoh satu generasi mereka akan memiliki dan menguruskan sekurang-kurangnya 30% aktiviti perdagangan dan perindustrian negara dalam semua kategori dan saiz operasi.
- menentukan bahawa gunatenaga dalam semua sektor ekonomi dan peringkat pekerjaan mencerminkan komposisi kaum.
- memperbanyakkan kemudahan- kemudahan pendidikan dan latihan, kemudahan-kemudahan sosial lain dan infrastruktur fizikal negara untuk menyokong pencapaian objektif-objektif yang dinyatakan di atas.

## MATLAMAT DAN PENCAPAIAN DEB

<u>KADAR KEMISKINAN</u>	<u>1970</u>	<u>1990</u> (Matlamat)	<u>1990</u> (Pencapaian)
Semenanjung Malaysia	49.3%	17.0%	15.0%
Sabah	-	-	34.3%
Sarawak	-	-	21.0%
Malaysia	-	-	17.0%

### HAKMILIK SAHAM

Bumiputera	2.4%	30.0%	20.3%
Bukan Bumiputera	34.3%	40.0%	46.2%
Rakyat Asing	63.3%	30.0%	25.1%
Syarikat Calon	2.0%	-	8.4%

### PERTUMBUHAN EKONOMI

<u>1971-1990</u> (Matlamat)	<u>1971-1990</u> (Pencapaian)
8.0%	6.7%

## PETUNJUK EKONOMI

<u>TAHUN</u>	<u>1970</u>	1980	<u>1986</u>	<u>1990</u>
PERKAPITA (\$)	1,109	3,734	4,148	6,180
US (\$)	360	1,682	1,595	2,280
PENGANGGURAN	7.8	5.6	8.3	6.0
INFLASI	1.6	6.7	0.6	3.2
M\$/US\$	3.08	2.22	2.60	2.71

## MALAYSIA: STRUKTUR PENGELUARAN

	<u>1970</u>	<u>1975</u>	<u>1980</u>	<u>1985</u>	<u>1990</u>
PERTANIAN	29.0	26.7	22.9	20.8	18.7
PERLOMBONGAN	13.7	10.2	10.1	10.4	9.7
PEMBUATAN	13.9	17.4	19.6	19.7	27.0
PEMBINAAN	3.8	3.8	4.6	4.8	3.5
PERKHIDMATAN	36.2	39.6	40.1	43.6	42.3

# MALAYSIA: KADAR KEMISKINAN

	<u>1970</u>	<u>1990</u>
LUAR BANDAR	58.7%	21.8%
BANDAR	21.3%	7.5%
KADAR KEMISKINAN MALAYSIA	49.3%	17.1%



# DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN (1971)

# MAKSUD KEBUDAYAAN

KESELURUHAN CARA HIDUP MANUSIA

- CARA BERFIKIR SERTA DAYA CIPTAAN
- KEHENDAK BIOLOGI KEMASYARAKATAN SERTA ALAM SEKELILING
- SESUAI DENGAN JASMANI ROHANI

# BIDANG-BIDANG BUDAYA

- FIKIRAN/IDEA
- KEBENDAAN
- KESENIAN
- NILAI DAN NORMA

## **PRINSIP-PRINSIP**

- **BERTERASKAN KEPADA KEBUDAYAAN RAKYAT ASAL RANTAU INI**
- **UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN LAIN**
- **ISLAM MENJADI UNSUR PENTING DALAM PEMBENTUKAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

# OBJEKTIF

1. MENGUKUHKAN PERPADUAN BANGSA DAN NEGARA MELALUI KEBUDAYAAN
2. MEMUPUK DAN MEMELIHARA KEPERIBADIAN KEBANGSAAN YANG TUMBUH DARIPADA KEBUDAYAAN KEBANGSAAN
3. MEMPERKAYA DAN MEMPERTINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN KEMANUSIAAN DAN KEROHANIAN YANG SEIMBANG DENGAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI.

# STRATEGI

1. PEMULIHAN DAN PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN KEBUDAYAAN KE ARAH MENGUATKAN ASAS-ASAS KEBUDAYAAN KEBANGSAAN MELALUI USAHASAMA PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, PENDIDIKAN, PENGEMBANGAN DAN PERHUBUNGAN BUDAYA.
2. MENINGKAT DAN MENGUKUHKAN KEPIMPINAN BUDAYA MELALUI USAHA-USAHA MEMBIMBING DAN MELATIH PEMINAT, MENDOKONG DAN MENGERAK KEBUDAYAAN SELUAS-LUASNYA SEBAGAI JENTERA PEMBANGUNAN YANG BERKESAN.
3. MEWUJUDKAN KOMUNIKASI YANG BERKESAN KE ARAH KESEDARAN KEBANGSAAN, KENEGARAAN DAN NASIONALISMA MALAYSIA
4. MEMENUHI KEPERLUAN SOSIO-BUDAYA.
5. MENINGGIKAN TARAF DAN MUTU KESENIAN.

# MEKANISMA/ORGANISASI

- KEMENTERIAN KEBUDAYAAN & PELANCONGAN DAN AGENSINYA
- KEMENTERIAN LAIN
- KERAJAAN NEGERI
- SWASTA DAN PERTUBUHAN KEBUDAYAAN
- PERTUBUHAN SUKARELA

# PENUTUP

DASAR INI MENJADI GARIS PANDUAN  
MEMBENTUK SERTA MENGUJUDKAN SATU  
BANGSA YANG BERSATU-PADU SERTA  
MENGEKALKAN IDENTITI NEGARA  
DIKALANGAN DUNIA ANTARABANGSA.



# DASAR PANDANG KE TIMUR

## OBJEKTIF

UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN, KECEKAPAN, PENGETAHUAN SERTA MENERAPKAN NILAI-NILAI KERJA YANG POSITIF DARI JEPUN DAN KOREA DALAM MENINGGIKAN PENGHASILAN KERJA.

- UNTUK MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN DAN MUTU KERJA DAN BUKAN UNTUK MENGENEPIKAN PERKARA YANG BAIK YANG BOLEH DIPELAJARI DARI NEGARA-NEGARA LAIN.
- TIDAK BERMAKNA MEMBELI SEMUA BARANG ATAU MEMBERI SEMUA KONTRAK KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT NEGARA TIMUR MELAINKAN TAWARAN MEREKA ADALAH TERBAIK.

## **PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DIJALANKAN DI BAWAH DASAR PANDANG KE TIMUR**

1. LATIHAN PERINDUSTRIAN DAN TEKNIKAL
2. PROGRAM PENGAJIAN AKADEMIK
3. PROGRAM PENGAJIAN TEKNIKAL
4. PROGRAM PENGAJIAN EKSEKUTIF
5. HUBUNGAN DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI
6. SKIM LATIHAN PEMBANGUNAN USHAWAN

## STRATEGI

DITUJUKAN KEPADA PENERAPAN NILAI-NILAI DAN ETIKA KERJA YANG TERDAPAT DIJEPUN DAN REPUBLIK KOREA DENGAN CARA-CARA BAGAIMANA UNTUK MENINGGIKAN DAYA PENGELUARAN NEGARA DAN MUTU KERJA, MEMBANGUN SATU MASYARAKAT MALAYSIA YANG TEKUN, RAJIN, BERDISIPLIN DAN BEKERJA MENGIKUT NILAI-NILAI DAN ETIKA KERJA YANG BAIK.



# **DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (RRJP 2: 1991 – 2000)**

# PENDAHULUAN

- DILANCARKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI PADA 17 JUN 1991. (RRJP 1 BERAKHIR PADA TAHUN 1990).
- MENERUSKAN PENCAPAIAN DEB DALAM PEMBASMIAN KEMISKINAN DAN PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT.
- OBJEKTIFNYA IALAH MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG BERSATU PADU DAN MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG LEBIH ADIL, MAJU, AMAN DAN MAKMUR BERASASKAN PRINSIP-PRINSIP PERLEMBANGAAN DAN RUKUN NEGARA.

## DIMENSI BARU DPN

- (i) Untuk memperbaiki ketidak seimbangan sosial dan ekonomi.
  - Tumpuan kepada golongan termiskin.
  - Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB).
  - Penglibatan sektor swasta.
  - Pembangunan sumber manusia
- (ii) Kerajaan meneruskan dasar liberal berhubung dengan syarat-syarat pemilikan modal saham.
- (iii) Golongan minoriti diberi pertimbangan.

## **STRATEGI PEMBASMIAN KEMISKINAN**

- **MENGURANGKAN KEMISKINAN TANPA MENGIRA KAUM.**
- **MEMPERBAIKI KEADAAN GOLONGAN TERMISKIN**
- **MERAPATKAN PENDAPATAN DAN MEMPERBAIKI TARAF HIDUP KUMPULAN-KUMPULAN BERPENDAPATAN RENDAH**
- **KEMISKINAN DI BANDAR**
- **SEKTOR PERLADANGAN - PERBAIKI KEMUDAHAN PERUMAHAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN DAN SOSIAL.**
- **GOLONGAN MINORITI – ORANG ASLI DAN BUMIPUTRA SABAH/SARAWAK SERTA INDIA.**

## **PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT KEMISKINAN**

- **GOLONGAN TERMISKIN IALAH ISIRUMAH YANG MENERIMA PENDAPATAN KURANG DARIPADA SEPARUH PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN DAN KEHIDUPAN ADALAH DAIF.**
- **OBJEKTIF PPRT IALAH:**
  - **MEMBASMI KEMISKINAN GOLONGAN INI; DAN**
  - **MENINGKATKAN KEUPAYAAN UNTUK BERDIKARI.**

## **PEMBANGUNAN SEBUAH MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA**

- **UNTUK MEMPERKUKUH DAN MENGEMBANGKAN ASAS KEUSHAWANAN SERTA KEWUJUDAN RANGKAIAN USAHAWAN BERDAYA MAJU:**
  - **MENINGKATKAN BILANGAN DAN KUALITI**
  - **PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA**
  - **SOKONGAN DAN BANTUAN KERAJAAN KEPADA MEREKA YANG BERPOTENSI**

## **PENYUSUNAN SEMULA HAKMILIK DAN PENGUASAAN DALAM SEKTOR SYARIKAT**

- **KERAJAAN MENERUSKAN USAHA-USAHA UNTUK MENINGKATKAN PEMILIKAN DAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR KORPORAT SELARAS DENGAN MATLAMAT ASAL 30% HAKMILIK SAHAM SEKTOR.**
- **DASAR INI DILAKSANAKAN DENGAN FLEKSIBEL DAN LIBERAL.**
- **TIADA MATLAMAT KUANTITATIF DAN JANGKAMASA TERTENTU.**

## PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

### TERAS UTAMA:

- MEMASTIKAN PENCAPAIAN MATLAMAT PERTUMBUHAN EKONOMI DENGAN PENGAGIHAN YANG SAKSAMA.
- PENGLIBATAN BUMIPUTERA YANG BERMAKNA DALAM SEKTOR MODEN.

# PENUTUP

SEPERTI DEB, DPN MENERUSKAN USAHA MENGURANGKAN KETIDAKSEIMBANGAN EKONOMI BUKAN SAHAJA DIKALANGAN KAUM ETNIK TETAPI JUGA ANTARA GOLONGAN KAYA DAN MISKIN SERTA ANTARA WILAYAH

KETIDAKSEIMBANGAN EKONOMI AKAN DAPAT DIKURANGKAN BERASASKAN PRINSIP PEMBANGUNAN SEIMBANG DAN PENGAGIHAN SAKSAMA UNTUK MENCAPAI KEADILAN SOSIAL DAN MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN NEGARA.



# DASAR PENDIDIKAN NEGARA

# CIRI-CIRI AM PENDIDIKAN SEBELUM MERDEKA

1. SETIAP JENIS SEKOLAH KHUSUS UNTUK SESUATU KAUM.
2. TIDAK ADA DASAR MENGENAI BAHASA PENGANTAR YANG TUNGGAL.
3. SEKOLAH-SEKOLAH TERPISAH DI ANTARA SATU DENGAN LAIN MENURUT KEDUDUKAN GEOGRAFI DAN TABURAN PENDUDUKNYA.
4. KURIKULUM ADALAH BERBEZA DAN TIDAK SEHALA.

## OBJEKTIF DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

DINYATAKAN DALAM PENDAHULUAN AKTA PELAJARAN 1961:

“BAHAWASANYA dasar pelajaran seperti yang diistiharkan dalam Ordinan pelajaran, 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pendidikan yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik...”

# DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

**MATLAMAT: PERPADUAN NEGARA**


**UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT, PENYATA RAZAK (1956) DAN LAPORAN RAHMAN RALIB (1965) TELAH MENGARISKAN TIGA ASAS UTAMA SEPERTI BERIKUT:**

- 1. SISTEM PERSEKOLAHAN YANG SAMA BAGI SEMUA**
- 2. BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA DI SEMUA PERINGKAT PERSEKOLAHAN; DAN**
- 3. KURIKULUM DAN PEPERIKSAAN SEKOLAH YANG SAMA KANDUNGAN DAN BERCORAK KEBANGSAAN.**

## FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

PENDIDIKAN DI MALAYSIA ADALAH SATU USAHA BERTERUSAN KE ARAH PERKEMBANGAN POTENSI INDIVIDU SECARA MENYELURUH DAN BERSEPADU UNTUK MEWUJUDKAN INSAN YANG SEIMBANG DAN HARMONIS DARIPADA SEGI INTELEK, ROHANI, EMOSI DAN JASMANI BERDASARKAN KEPERCAYAAN DAN KEPATUHAN KEPADA TUHAN. USAHA INI ADALAH BAGI MELAHIRKAN RAKYAT MALAYSIA YANG BERILMU PENGETAHUAN, BERKETERAMPILAN, BERAKHLAK MULIA, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERKEUPAYAAN MENCAPAI KESEJAHTERAAN DIRI SERTA MEMBERI SUMBANGAN TERHADAP KEHARMONIAN DAN KEMAKMURAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

# FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA



## STRATEGI PELAKSANAAN

1. Menjadikan Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama.
2. Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semu jenis sekolah.
3. Mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua.
4. Melicinkan tatacara pengurusan pendidikan.
5. Meningkatkan mutu pendidikan keseluruhannya dengan menyediakan pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu.
6. Mengadakan peluang pendidikan asas selama sembilan tahun.
7. Mendemokrasikan pendidikan dari segi peluang dan mutu dengan mengagihkan peruntukan secara adil dan memberi perhatian khas kepada kumpulan yang kurang bernasib baik dan kawasan luar bandar atau pedalaman.

## STRATEGI PELAKSANAAN (Samb...)

8. Menyediakan pendidikan rendah mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang berasaskan 3M. Matlamat untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran sesuai dan mempunyai moral serta nilai etika yang kukuh.
9. Memperluas pendidikan vokasional dan teknik melalui penyusunan semula kurikulum Sekolah Vokasional pada tahun 1978.
10. Mempelbagai dan memperbanyakkan kemudahan pendidikan di peringkat Universiti terutama dalam bidang sastera gunaan dan sains gunaan.
11. Mempertingkatkan pendidikan kerohanian, moral dan disiplin.
12. Menjadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah-sekolah dan memberi peluang yang sempurna bagi pembelajaran bahasa lain seperti Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.
13. Menggalakkan aktiviti ko-kurikulum yang memupuk disiplin seperti kadet tentera, kadet polis, pengakap, puteri islam dan lain-lain

## PENUTUP

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN HARUS MENAMPUNG KEPERLUAN NEGARA PADA MASA KINI DAN AKAN DATANG.

SELARAS DENGAN HASRAT NEGARA SEBAGAI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN ADALAH PENTING RAKYAT MEMPUNYAI PENDIDIKAN SECUCUK DENGAN KEPERLUAN SWASTA DALAM BIDANG PENGELUARAN, PELANCONGAN, PERKHIDMATAN DAN SEBAGAINYA.

DASAR MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI RAKYAT AKTIF DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DAN TIDAK BERGANTUNG SEMAMATA KEPADA KERAJAAN.



# **DASAR PENSWSTAAAN NEGARA (1983)**

## RASIONAL

1. Y.A.B Perdana Menteri dalam ucapan perasmian persidangan 'The Securities Industry in Malaysia' pada 28 April 1984 menyatakan ...  
'Government the world over are notorious for inefficiency when running enterprises, even when aided by monopoly and the authority of government. On the other hand, the private sector is better motivated and generally more efficient. It is hoped that privatisation in a more rapid growth of the nation as a whole'.
2. Sektor awam bukan sahaja terlibat dalam menyediakan dasar utama dan menentukan arah dan penyediaan perkhidmatan tetapi juga terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi dan perdagangan di Malaysia. Saiz sektor awam telah berkembang dengan begitu pesat sekali dalam 10 tahun yang lalu. Perbelanjaan sektor awam telah meningkat dengan begitu besar sekali dari 28 % pada tahun 1975 kepada 36 % pada tahun 1982 dan ini merupakan satu beban kewangan yang besar untuk ditanggung oleh kerajaan.
3. Keadaan ekonomi meleset juga menjadi faktor-faktor utama yang membawa kepada Dasar Penswastaan ini diperkenalkan.

# OBJEKTIF

1. MENGURANGKAN BEBAN KEWANGAN KERAJAAN
2. MENINGGIKAN KECEKAPAN DAN PENGHASILAN KERJA
3. MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI
4. PENGAGIHAN SUMBER SECARA CEKAP
5. MEMPERCEPATKAN PENCAPAIAN HASRAT DEB (DPN)

# MEKANISMA/BENTUK PESWASTAAN

1. MEMINDAHKAN HAKMILIK DAN PENGURUSAN DARIPADA SEKTOR AWAM KEPADA SEKTOR SWASTA.  
CONTOH: KUMPULAN FIMA.
2. PENSWASTAAN SECARA PENUH IAITU PENJUALAN 100% SAHAM KERAJAAN KEPADA SWASTA  
CONTOH: KUMPULAN FIMA.
3. PENSWASTAAN SEBAHAGIAN IAITU PEMINDAHAN SEBAHAGIAN SAHAM HAKMILIK KERAJAAN KEPADA SWASTA  
CONTOH: TNB, MAS DAN TELEKOM.
4. PENSWASTAAN SECARA TERPILIH DIMANA KERJAAAN MENJUAL ATAU MEMAJAK SESUATU PERKHIDMATAN ATAU KEPENTINGAN. INI BOLEH DIGERAKKAN OLEH KERAJAAN SEPERTI PENYEDIAAN PERKHIDMATAN LETAK KERATA AWAM ATAU BOLEH DIGERAKKAN OLEH PIHAK SWASTA SEPERTI PEMBINAAN JEJAMBAT ATAU LEBUHRAYA.

# MEKANISMA/BENTUK PESWASTAAN (Samb...)

- 5 PENSWASTAAN PENGURUSAN – KERAJAAN MENGEKALKAN HAKMILIK TETAPI PENGURUSANNYA SAHAJA DISERAH KEPADA SWASTA.
- 6 PENYERTAAN SEKTOR SWASTA DALAM KEGIATAN DAN PENYEDIAAN PERKHIDMATAN SECARA KONTRAK. INI MELIBATKAN PEMBAHAGIAN TANGGUNGJAWAB MENYEDIAKAN SESUATU PERKHIDMATAN KHUSUS SEPERTI MENCUCI ATAU MENYELENGGARA KAWASAN AWAM YANG SEBELUMNYA DIJALANKAN OLEH KERAJAAN
- 7 PENSWASTAAN MELALUI PAJAKAN. PENSWASTAAN CARA INI MELIBATKAN PENYEWAAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG TERTENTU BAGI MENDAPATKAN PULANGAN UNTUK TEMPOH TERTENTU. INI TIDAK MELIBATKAN PEMINDAHAN HAKMILIK WALAUPUN KEMUNGKINAN YANG SEDEMIKIAN BOLEH DIPERTIMBANGKAN.

# **MEKANISMA/BENTUK PENSWASTAAN (Samb...)**

PELUANG PENSWASTAAN MELIPUTI BERBAGAI BIDANG TERMASUKLAH PERTANIAN, PEMBUATAN, PEMBINAAN, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN AWAM, PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN, PERHUBUNGAN DAN LAIN-LAIN

# MEKANISMA/BENTUK PENSWASTAAN SECARA UMUM

PENSWASTAAN BOLEH DILAKSANAKAN MELALUI BEBERAPA BENTUK ATAU GABUNGAN BENTUK-BENTUK SEPERTI BERIKUT:


- I. PENJUALAN ASET ATAU EKUITI.
- II. PAJAKAN
- III. KONTRAK PENGURUSAN
- IV. 'BINA-KENDALI-PINDAH' (BKP) ATAU 'BUILD-OPERATE-TRANSFER' (BOT) DAN 'BINA-KENDALI' (BK) ATAU 'BUILD-OPERATE' (BO).

# PENCAPAIAN

- Kawalan pertumbuhan saiz Sektor Awam
  - 1983 -1996 : 53 agensi dan 108,531 anggota terlibat
- Perbelanjaan kerajaan di kawal
- Hasil negara dipertingkatkan - percukaian
- Pelaksanaan pelbagai projek
- Peningkatan kecekapan perkhidmatan
  - Terminal kontena LPK
  - TV 3
  - STM
- DEB dan DPN


# PENCAPAIAN

- Kawalan Saiz Sektor Awam




# PENCAPAIAN

Perbelanjaan kerajaan di kawal



# PENCAPAIAN

Hasil Negara Dipertingkatkan (RM Bilion)



# RUMUSAN

- Dasar Penswastaaan adalah untuk mengurangkan penglibatan kerajaan dalam aktiviti ekonomi seterusnya mengurangkan beban kewangan negara dan meningkatkan kualiti perkhidmatan untuk awam.



# **DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA (1983)**

## **KENAPA PERLU DASAR PERINDUSTRIAN**

- 1. KEMELESETAN EKONOMI TAHUN 80AN**
- 2. KELEMAHAN SEKTOR PERINDUSTRIAN**
- 3. MENYAHUT CABARAN DEB**
- 4. PELUANG PEKERJAAN DAN TENAGA MAHIR**
- 5. PERTUMBUHAN EKONOMI SEIMBANG**
- 6. PERTUMBUHAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA**
- 7. KE ARAH MODERNISASI**
- 8. PENYUMBANG UTAMA SEKTOR EKONOMI MASA HADAPAN**
- 9. PERSAINGAN ANTARABANGSA**
- 10.RANTAI HULUAN DAN HILIRAN INDUSTRI**
- 11.PERTUMBUHAN BANDAR-BANDAR BARU**
- 12.KE ARAH NEGARA MAJU**

# CIRI-CIRI DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA

- 50AN - GETAH DAN BIJIH TIMAH
- 60AN - GANTIAN IMPORT
- 70AN - MEMPELBAGAIKAN EKONOMI
- 80AN - INDUSTRI BERAT
- 90AN - PERANAN SWASTA
- PELABURAN ASING

# KELEMAHAN SEKTOR INDUSTRI (70AN & 80AN)

1. PERTUMBUHAN SEKTOR EKSPORT KURANG MEMUASKAN
2. EKSPORT TERLALU BERGANTUNG KEPADA INDUSTRI ELEKTRIK, ELEKTRONIK DAN TEKSTIL SAHAJA
3. MUTU KELUARAN TIDAK DAPAT BERSAING DENGAN KELUARAN LUAR NEGERI
4. TIDAK ADA RANTAIAN ANTARA SEKTOR INDUSTRI DENGAN LAIN-LAIN SEKTOR
5. INDUSTRI-INDUSTRI YANG DITUBUHKAN KURANG MEMPUNYAI 'NILAI TAMBAH' (VALUE ADDED).

# OBJEKTIF PELAN INDUK PERINDUSTRIAN (PIP)

1. MENJADIKAN SEKTOR PERKILANGAN SEBAGAI CATALYST PERTUMBUHAN PERINDUSTRIAN NEGARA DAN EKONOMI KESELURUHANNYA
2. MENGGALAKKAN PENGGUNAAN SEPENUHNYA SUMBER-SUMBER ASLI NEGARA
3. MENINGGIKAN TAHAP PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) TEKNOLOGI TEMPATAN SEBAGAI ASA BAGI MALAYSIA MENJADI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN

# STRATEGI PIP

1. MELAKSANAKAN DASAR PERINDUSTRIAN YANG BERPANDANGAN KE LUAR UNTUK MENGEKALKAN KADAR PERTUMBUHAN PERINDUSTRIAN YANG TINGGI, MALAYSIA HARUS MENUMPUKAN KEPADA PENGEKSPORTAN KELUARAN PERKILANGAN SECARA BESAR-BESARAN. MASALAH PASARAN YANG KECIL TELAH MENJADI SATU FAKTOR PENGHALANG BAGI INDUSTRI-INDUSTRI TEMPATAN MENCAPAI PRODUKTIVITI YANG LEBIH BAIK.
2. MEMAJUKAN SECARA INTENSIF INDUSTRI BERASASKAN SUMBER UNTUK EKSPORT DAN MEMPELBAGAIKAN SERTA MENINGKATKAN INDUSTRI YANG BUKAN BERASASKAN SUMBER UNTUK EKSPORT. DARIPADA 12 SEKTOR YANG TELAH TERPILIH, BEBERAPA KELUARAN/INDUSTRI TELAH DIKENALPASTI SEBAGAI KELUARAN/INDUSTRI KEUTAMAAN UNTUK DIMAJUKAN.
3. MEMAJUKAN INDUSTRI BERAT TERPILIH UNTUK MENYOKONG INDUSTRI EKSPORT. STRATEGI INI DIPILIH MEMANDANGKAN KERAJAAN SUDAH PUN MEMBUAT PELABURAN YANG BANYAK DALAM BEBERAPA JENIS INDUSTRI BERAT. USAHA PERLU DITUMPUKAN KEPADA KAJIAN AWAL UNTUK MEMEASTIKAN KEJAYAAN PROJEK ITU DAHULU SEBELUM MENCEBURI BIDANG-BIDANG INDUSTRI BERAT YANG LAIN
4. MEMAJU DAN MENGGUNAKAN SISTEM PERKHIDMATAN MAKLUMAT YANG BERSEPADU.

## STRATEGI PIP (Samb...)

5. MEMBANGUNKAN TEKNOLOGI DAN TENAGA RAKYAT.
6. MENGURANGKAN PERBELANJAAN DALAM PEMBINAAN INFRASTRUKTUR DENGAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA PERTUMBUHAN INDUSTRI DI KAWASAN YANG SEDIA MEMPUNYAI KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG DIPERLUKAN. PERTUMBUHAN INDUSTRI DIUTAMAKAN DISEPANJANG WESTERN CORRIDOR DI PANTAI BARAT SEMENANJUNG YANG MEMPUNYAI HAMPIR 70-80 PERATUS PENDUDUK DAN DI MINI CORRODOR DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG DENGAN TUMPUAN DI KAWASAN SEKITAR KOTA BAHRU, KUALA TRENGANU DAN KUANTAN SERTA DI SABAH DAN SARAWAK SEPERTI KOTA KINABALU, SANDAKAN, TAWAU, LABUAN, KUCING, SIBU DAN BINTULU.
7. MEMODEN DAN MENYUSUN SEMULA STRUKTUR PERINDUSTRIAN DENGAN MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN INDUSRTI KECIL SERTA SEDERHANA KERANA SEKTOR INI MERUPAKAN TULANG BELAKANG PROSES PERINDUSTRIAN SEPERTI YANG TERNYATA DI TAIWAN DI SAMPAING MENYUSUN SEMULA INDUSTRI YANG KURANG BERKESAN TETAPI PENTING DALAM EKONOMI.
8. MEMPERKUKUH INSTITUSI YANG BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMBANGUNAN SEKTOR PEMBUATAN.
9. MENYUSUN SEMULA SISTEM GALAKAN PERINDUSTRIAN YANG SEDIA ADA UNTUK MEMUPUK KECEKAPAN DAN DAYA SAING YANG LEBIH TINGGI.

# PENCAPAIAN SEMASA DAN MASALAH

## PENCAPAIAN:

- MEMPERBAIKI IKLIM PELABURAN UNTUK MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN DAN KOS PENGENDALIAN PERNIAGAAN.
- MENGGALAKKAN PELABURAN SWASTA TERUTAMA PELABUR ASING
- MENKKAJI SEMULA UNDANG-UNDANG, SYARAT DAN PERATURAN PENTADBIRAN
- GEJALA PENYAKIT AIDS MENINGKATKAN PERMINTAAN BARANG DIPERBUAT DARIPADA GETAH.

## MASALAH:

- DASAR PERLINDUNGAN NEGARA MAJU DAN NIC
- SAINGAN DARI NEGARA MAJU, NIC, ASEAN DAN CINA.
- KEKURANGAN USAHAWAN TEMPATAN

## PENUTUP

PIP MERANGKUMI STRATEGI DAN LANGKAH MEMBAWA MALAYSIA KE ERA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN DAN SETERUSNYA MENJADI TERAS KEPADA SEBUAH NEGARA MAJU.

MELALUINYA, PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA AKAN LEBIH DITERAJUI OLEH PERTUMBUHAN DALAM SEKTOR EKSPORT YANG BERLANDASKAN STRATEGI INDUSTRIALISASI YANG 'OUTWARD-LOOKING'.

SEJAUH MANA MENCAPAI HASIL YANG BAIK BERGANTUNG KEPADA KEUPAYAAN PEKILANG-PEKILANG MENGEKALKAN, MENINGKATKAN DAYA SAING DIPASARAN ANTARABANGSA YANG PENUH CABARAN.



# DASAR PENSYARIKATAN MALAYSIA

## LATAR BELAKANG (SEJARAH)

- Telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 1983 sebagai satu pendekatan asas bagi pembangunan negara
- Pada tahun 1984, Surat Pekeliling Am Bil 2 Tahun 1984 dikeluarkan oleh KSN mengarahkan semua Kementerian, Jabatan dan Pejabat Kerajaan menubuhkan Panel Perunding bagi tujuan memperbaiki perkhidmatan yang diberi kepada sektor swasta.
- Pada Julai 1991, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 9 Tahun 1991 telah dikeluarkan bagi memberi Panduan Mengenai Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia. Kaedah selain dari penubuhan Panel Perunding telah dihuraikan.

## RASIONAL FALSAFAH

YAB Perdana Menteri telah mendefinisikan secara am konsep Persyarikatan Malaysia sebagai satu sistem kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta ke arah mewujudkan satu syarikat Malaysia bagi mencapai kemajuan di mana keuntungan yang didapati akan dikongsi bersama di mana:

- Kerajaan adalah pemegang saham.
- Jika syarikat berjaya dan membuat keuntungan, kerajaan dan rakyat juga akan mendapat manfaat.
- Sektor awam dikehendaki beroperasi secara cekap bagi membantu usaha-usaha sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan utama dalam ekonomi negara.

## Objektif

Dasar Persyarikatan mempunyai objektif seperti berikut:

1. Mewujudkan kerjasama erat, bermakna dan berkesan antara sektor awam dan swasta demi pembangunan negara bagi mencapai faedah bersama.
2. Menghapuskan sifat 'permusuhan' antara kedua-dua sektor dengan menggalakkan perkongsian maklumat, dan saling faham-memahami akan prosedur dan matlamat kedua belah pihak.
3. Meningkatkan hasil negara.

## MEKANISMA

- Peranan sektor awam dan swasta secara sendirian dan bersama-sama menuju ke arah matlamat negara.
- Usaha memudahkan kerjasama sektor awam-swasta.
  1. Panel Perunding
  2. Pelonggaran peraturan (Deregulation)
  3. Pembaikan Pentadbiran
  4. Arahan Terbaru (PKPA Bil. 9 Tahun 1991).

# TANGGUNGJAWAB SEKTOR AWAM

Sektor awam haruslah memainkan peranannya sebagai perancang, fasilitator dan pelaksana program-program kerajaan:

- Sebagai fasilitator, sektor awam menyediakan suasana yang 'condusive' bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang pesat; sebagaimana dan sejauh yang dibenarkan oleh peraturan dan undang-undang.
- Sebagai perancang, sektor awam mestilah peka dan responsif kepada perubahan-perubahan dalam persekitaran dunia semasa merancang arah tujuan dan strategi pertumbuhan; proaktif; menyediakan maklumat yang betul; aktiviti galakan pasaran yang lebih baik melalui perwakilan sebaerang laut.
- Sebagai pelaksana, sektor awam perlu terus menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sosial yang penting kepada semua rakyat; bukan sahaja kemudahan dan perkhidmatan itu meluas tetapi standardnya harus lebih baik.

## TANGGUNGJAWAB SEKTOR SWASTA

- Sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi memerlukannya lebih kuat, dinamik, berdayasaing, cekap dan tangkas dalam menghadapi cabaran-cabaran saingan di pasaran luar negeri. Barangan mereka haruslah mampu mengekalkan persaingan, dan berbagai barnagan untuk pasaran yang berbagai. Mereka juga perlu bersatu tenaga bagi menembusi pasaran baru di negara-negara membangun di Asia, Afrika dan Amerika Latin.

# PELAKSANAAN SETAKAT INI

## Pencapaian:

- Penubuhan Panel
- Penubuhan Panel Persyarikatan Malaysia
- Usaha-usaha Memperbaiki Perkhidmatan Awam
- Panduan (Baru) Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia (PKPA Bil. 9 Tahun 1991).

## Kelemahan:

- Pemahaman dan Penerimaan Konsep
- Kekesanan Panel Perunding terhadap
- Persepsi Yang Salah
- Masalah Sektor Swasta Yang Terdiri Dari Banyak Kumpulan Dan Berbagai Kepentingan
- Kelemahan Komunikasi
- Perkongsian Maklumat dan Aliran Maklumat Yang Tidak Mencukupi
- Krisis Kepimpinan
- Penyelaras Dan Muafakat Yang Tidak Efektif

## PENUTUP

Dasar Persyarikatan memerlukan perubahan sikap oleh kedua-dua sektor awam dan swasta untuk memufuk persefahaman dan kerjasama yang lebih erat agar kesejahteraan rakyat Malaysia akan dapat dipertingkatkan. Ianya timbul atas kesedaran bahawa kedua-dua pihak sebenarnya adalah sehaluan untuk menjadi negara lebih maju.

Dasar Persyarikatan berfungsi untuk menggembeleng sumber-sumber asli melalui kerjasama yang padu antara sektor awam dan swasta.



# **DASAR SAINS DAN TEKNOLOGI NEGARA**

## **April 1986**

# PENGENALAN

- Aspirasi negara yang diilhamkan dalam Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia mencapai taraf sebuah negara maju menjelang 2020
- Cabaran ke enam daripada sembilan cabaran dalam Wawasan 2020.  
“Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke hadapan yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.
- Tujuan  
Mengalakkan penggunaan S & T sebagai satu alat untuk pembangunan ekonomi, memperbaiki kedudukan fizikal dan kesejahteraan rakyat dan untuk melindungi kedaulatan negara, yang merupakan sebahagian daripada dasar pembangunan sosioekonomi negara.

## Masalah Perindustrian Yang Perlu Dihadapi

1. Asas sektor pembuatan negara terlalu sempit dan sebahagian besar eksport barangan pengeluaran bergantung kepada barangan elektrik dan elektronik serta tekstil sahaja.
2. Permintaan terhadap barang perantaraan tempatan amatlah kecil.
  - Masih diimport – tidak berupaya mengeluarkan barangan perantara bermutu atau pada kos dan harga berpatutan.
3. Peningkatan nilai barangan yang kecil dan tumpuan industri yang terlalu menekan kepada kerja pemasangan dan proses pengeluaran yang mudah
4. Kos pengeluaran yang kian meningkat disebabkan kenaikan kos tenaga kerja, bahan mentah dan kos pengendalian.
  - Diseimbangkan dengan peningkatan kecekapan dan produktiviti.

## Matlamat Asas

1. Pembangunan keupayaan sumber-sumber S & T negara seperti tenaga teknik dan saintifik, institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi dan lain-lain ke arah pembentukan keupayaan teknologi tempatan.
2. Pembangunan keupayaan pengusaha-pengusaha tempatan dalam memilih, merunding, menyerap, menyesuaikan, membaiki dan menginovasikan teknologi asing yang masuk ke negara kita melalui perjanjian kerjasama, pembelian terus, kerjasama teknik, projek usahasama, penggunaan lesen atau franchise dan lain-lain.

# Faktor Utama Mempengaruhi Strategi Pembangunan Sains & Teknologi

- i. Pembangunan, Keselamatan dan Kesejahteraan Sosial
- ii. Perkaitan Dasar Sains dan Teknologi Negara dengan Dasar-Dasar Lain.
- iii. Peningkatan Perkhidmatan Saintifik.
- iv. Berdikari.
- v. Maklumat S & T.
- vi. Penyelidikan dan Pembangunan (P&P).
- vii. Tenaga Manusia.
- viii. Peranan Sektor Swasta.
- ix. Pemindahan Teknologi.
- x. Komputerisasi.
- xi. Pusat-Pusat Kecemerlangan Sains.
- xii. Pelan Tindakan.

# Pelaksanaan

- RM5 memperuntukkan sebanyak RM414 juta di bawah Majlis penyelarasan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN).
- RM6 memperuntukkan RM600 juta.
  - Rancangan memaju dan menyelaraskan projek P&P untuk meningkatkan keupayaan teknologi tempatan.
- MPKSN memperkenalkan skim khas:  
Program Penekanan Penyelidikan Di Bidang Keutamaan  
(IRPA: Intensification of Research in Priority Areas)
- Peruntukan RM5.
  - Pertanian – 50%
  - Perindustrian – 34%
  - Sektor Lain – 17%

## Pelaksanaan (Samb..)

- MPKSN disusun semula dan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai S & T dibentuk.
- Majlis Penyelarasan dan Pemindahan Teknologi Perindustrian (Pengerusi: Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar)  
Dianggotai oleh pengusaha-pengusaha tempatan terkenal, pegawai-pegawai agensi pusat, pakar-pakar teknik dan saintifik daripada institusi-institusi penyelidikan telah menubuhkan satu jawatankuasa pada tahun 1987 untuk mengubal Pelan Tindakan Pembangunan Perindustrian (PTPP)
- PTPP:
  - Bertujuan untuk menyokong pelaksanaan PIP.
  - Digubal untuk menentukan strategi dan rancangan teknologi yang perlu dilaksanakan bersama-sama dengan pelaksanaan PIP.

## Pelaksanaan (Samb..)

- 29 kajian melibatkan setiap sektor perindustrian telah dijalankan oleh pakar-pakar tempatan diikuti dengan perbincangan dengan ahli-ahli Konsortium Penyelidikan kebangsaan.
- Kerajaan menerima 42 syor yang terkandung dalam PTPP dan dirumuskan menjadi 5 penekanan strategik
- Peruntukan sebanyak RM166 juta untuk melaksanakan syor-syor berkenaan.

# Penutup

Pembangunan sektor perindustrian merupakan unsur penting dalam hasrat negara untuk mencapai taraf negara maju.

Perindustrian membawa pertambahan nilai yang tinggi, pendapatan dan pekerjaan kepada tenaga manusia negara ini lebih daripada aktiviti-aktiviti pertanian, harga pasaran pengeluarannya juga adalah lebih stabil dan faktor produktiviti yang lebih tinggi

Keupayaan untuk membangunkan satu sektor perindustrian yang dinamik yang berupaya bersaing dalam pasaran dunia, yang mengeluarkan barangan yang setanding dari segi kos dan mutu dan barangan negara-negara maju, bergantung kepada pengetahuan, kemahiran dan keupayaan menggunakan teknologi-teknologi pengeluaran.



# DASAR WAWASAN NEGARA (RRJP3: 2001-2010)

# PENGUBALAN RRJP3 DAN DASAR WAWASAN NEGARA

- PENGALAMAN KRISIS KEWANGAN ASIA TAHUN 1997-1998
- TUJUAN RRJP3 UNTUK MENGUKUHKAN KEKUATAN SEDIA ADA DAN MENANGANI KEKURANGAN DAN KEKANGAN SERTA CABARAN PERSAINGAN DUNIA
- TUJUAN DWN UNTUK MEMBINA BANGSA MALAYSIA YANG PROGRESIF DAN MAKMUR SERTA HIDUP DALAM HARMONI.
- MENERUSKAN USAHA-USAHA DALAM RANCANGAN PEMBANGUNAN LEPAS DISAMPING MEMPERKUKUH ASAS PERALIHAN KEPADA SEBUAH NEGARA MAJU.
- MENGABUNGKAN STRATEGI UTAMA DEB DAN DPN.

# TERAS PEMBANGUNAN DWN

- i. MEMBINA BANGSA YANG BERDAYA TAHAN DENGAN MEMUPUK PERPADUAN, MENYEMARAK SEMANGAT, MEMBENTUK KEMATANGAN POLITIK, MEMBINA MASYARAKAT SUPAYA LEBIH BERTOLAK ANSUR DAN PENYAYANG SERTA MENINGKATKAN KUALITI HIDUP DAN KEUTUHAN EKONOMI.
- ii. MENGGALAKKAN PEWUJUDAN MASYARAKAT YANG SAKSAMA MELALUI PEMBASMIAN KEMISKINAN DAN PENGURANGAN KETIDAKSEIMBANGAN DIKALANGAN DAN DI DALAM KUMPULAN ETNIK WILAYAH.
- iii. MENGEKALKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG TINGGI DENGAN MENGUKUHKAN SUMBER PERTUMBUHAN, INSTITUSI KEWANGAN DAN KORPORAT SERTA PENGURUSAN EKONOMI MAKRO.
- iv. MENINGKAT DAYASAING BAGI MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI DAN LIBERALISASI.
- v. MEMBANGUNKAN EKONOMI YANG BERASASKAN PENGETAHUAN SEBAGAI SATU LANGKAH STRATEGIK BAGI MENINGKAT NILAITAMBAH BAGI SEMUA SEKTOR EKONOMI.
- vi. MENGUKUHKAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BAGI MENGHASILKAN TENAGA KERJA YANG CEKAP, PRODUKTIF DAN BERPENGETAHUAN.
- vii. MENERUSKAN PEMBANGUNAN ALAM SEKITAR YANG MAMPAN UNTUK MEMPERKUKUHKAN PERTUMBUHAN EKONOMI JANGKA PANJANG.

# DIMENSI BARU DWN

- i. MEMBANGUNKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MEMPUNYAI MASYARAKAT BERPENGETAHUAN.
- ii. MENJANA PERTUMBUHAN YANG DIDORONG OLEH SUMBER DAN KEKUATAN TEMPATAN MELALUI PENGUKUHAN PELABURAN DALAM NEGERI DAN PEMBANGUNAN KEUPAYAAN TEMPATAN DI SAMPING PENARIKAN PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) YANG BERTERUSAN KE DALAM BIDANG STRATEGIK.
- iii. MENJADIKAN SEKTOR PERTANIAN, PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN LEBIH DINAMIK MELALUI PENERAPAN PENGETAHUAN YANG LEBIH TINGGI.
- iv. MEMBASMI KEMISKINAN DIKALANGAN KELOMPOK KECIL YANG MISKIN DI KAWASAN TERPENCIL, ORANG ASLI DAN KUMPULAN MINORITI BUMIPUTERA DI SABAH DAN SARAWAK SERTA MENINGKATKAN PENDAPATAN DAN KUALITI HIDUP KUMPULAN PENDAPATAN 30 PERATUS TERENDAH.
- v. MENCAPAI PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG BERKESAN SERTA PEMILIKAN EKUITI SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS MENJELANG 2010.
- vi. MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR UTAMA EKONOMI.
- vii. MENGORIENTASIKAN SEMULA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BAGI MENYOKONG PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG BERASASKAN PENGETAHUAN.

# **PENUTUP**

**PELENGKAP KEPADA DEB DAN DPN.  
PENTING MENENTUKAN MATLAMAT  
WAWASAN 2020 UNTUK MENJADI SEBUAH  
NEGARA MAJU DAN PERPADUAN NEGARA  
TERCAPAI.**

# **DASAR AWWAM**

# WAWASAN 2020

# **APA ITU WAWASAN 2020?**

**“ SATU WAWASAN (VISION) JANGKA  
PANJANG  
SEBAGAI ARAH DASAR YANG LUAS  
MELIPUTI  
PELBAGAI ASPEK BERKAITAN  
PEMBANGUNAN  
NEGARA DALAM HUBUNGAN DENGAN  
PERKEMBANGAN  
EKONOMI DUNIA KESELURUHANNYA”**

# MENGAPA PERLU SATU WAWASAN

MERUPAKAN SATU TUNTUTAN KEHIDUPAN

○ DIRI SENDIRI

◎ KEPUASAN/UTILITI, PENGHARGAAN,  
KESELAMATAN, HAK ASASI

○ KELUARGA

◎ MENJAMIN KEBAHAGIAAN, MASA DEPAN,  
KESELAMATAN, TANGGUNGJAWAB, BALAS BUDI

○ AGAMA, BANGSA DAN NEGARA

◎ MENDAULATKAN, MEMPERTAHANKAN  
KESELAMATAN DAN HAYAT, MEMPERKUKUH DAN  
MEMAJUKAN

**APAKAH  
YANG INGIN  
DI CAPAI DI DALAM  
WAWASAN 2020?**

**“ SEBAGAI SEBUAH NEGARA  
INDUSTRI”**

**DAN**

**“ PEMBENTUKAN SEBUAH  
NEGARA MALAYSIA YANG BENAR-  
BENAR MAJU MENJELANG TAHUN  
2020 DENGAN MENURUT ACUAN  
KITA SENDIRI”**

# KEMAJUAN MELIPUTI ASPEK:-

- ❖ POLITIK
- ❖ EKONOMI
- ❖ SOSIAL
- ❖ KEROHANIAN
- ❖ KEBUDAYAAN

# MENGAPA PERLUNYA SATU VISION/WAWASAN?

- ❑ MEMBERI / MENENTUKAN “*NATIONAL FOCUS*”
- ❑ MENDAPATKAN/MENGAGIHKAN KONSENSUS NASIONAL
- ❑ MEMBENTUK SATU PERJANJIAN SOSIO-POLITIK
- ❑ MENYEDIAKAN SATU GARIS PANDUAN BAGI AGENDA PEMBANGUNAN /NEGARA NASIONAL

# MENGAPA TAHUN 2020?

- **30 TAHUN – MERUPAKAN TARIKH YANG PRAKTIKAL DAN MUNASABAH DALAM MENCAPAI KEMAJUAN**

# **CABARAN STRATEGIK WAWASAN 2020**

# **CABARAN PERTAMA**

**WUJUDKAN NEGARA  
MALAYSIA BERSATU PADU  
YANG MEMPUNYAI  
MATLAMAT YANG SERUPA  
DAN DIKONGSI BERSAMA**

# **CABARAN KEDUA**

**MEWUJUDKAN MASYARAKAT  
YANG BERJIWA BEBAS,  
TENTERAM, DAN MAJU DENGAN  
KEYAKINAN TERHADAP DIRI  
SENDIRI, BANGGA DENGAN APA  
YANG DICAPAI SERTA GAGAH  
MENGHADAPI PELBAGAI  
MASALAH**

# **CABARAN KETIGA**

**MASYARAKAT YANG MATANG DAN  
DICONTOHI, MENGAMALKAN  
SATU PERSEFAHAMAN YANG  
MATANG, DEMOKRASI MALAYSIA  
BERASASKAN MASYARAKAT YANG  
BOLEH MENJADI CONTOH  
KEPADA BANYAK NEGARA  
MEMBANGUN**

# **CABARAN KEEMPAT**

**MEWUJUDKAN MASYARAKAT  
YANG SEPENUHNYA BERMORAL  
DAN BERETIKA YANG MANA  
WARGANEGARANYA KUKUH  
DALAM NILAI AGAMA DAN  
KEJIWAAN DIDORONG OLEH  
TAHAP ETIKA PALING TINGGI**

# **CABARAN KELIMA**

**MEWUJUDKAN MASYARAKAT LIBERAL  
DAN BERTOLAK ANSUR, RAKYAT PELBAGAI  
KAUM BEBAS MENGAMALKAN ADAT,  
KEBUDAYAAN DAN KEPERCAYAAN AGAMA  
MASING-MASING DAN PADA MASA YANG  
SAMA MELETAKKAN KESETIAAN MEREKA  
KEPADA SATU NEGARA**

# **CABARAN KEENAM**

**MEWUJUDKAN MASYARAKAT SAINTIFIK  
DAN PROGRESIF, MEMPUNYAI DAYA  
PERUBAHAN YANG TINGGI DAN  
MEMANDANG KEDEPAN, YANG BUKAN  
SAHAJA MENJADI PENGGUNA TEKNOLOGI  
TETAPI JUGA MENYUMBANG KEPADA  
TAMADUN SAINTIFIK DAN TEKNOLOGI  
MASA DEPAN**

# **CABARAN KETUJUH**

**MEWUJUDKAN MASYARAKAT  
PENYAYANG DAN BUDAYA  
MENYAYANGI, IAITU SISTEM  
SOSIAL YANG MANA  
KEPENTINGAN MASYARAKAT  
ADALAH LEBIH UTAMA DARIPADA  
DIRI SENDIRI**

# **CABARAN KELAPAN**

**MEMASTIKAN MASYARAKAT YANG ADIL  
DALAM BIDANG EKONOMI, IAITU  
MASYARAKAT YANG MELAKSANAKAN  
PENGAGIHAN KEKAYAAN NEGARA SECARA  
ADIL DAN SAKSAMA DI MANA WUJUD  
PERKONGSIAN SEPENUHNYA BAGI SETIAP  
RAKYAT DALAM PERKEMBANGAN  
EKONOMI**

# **CABARAN KESEMBILAN**

**MEWUJUDKAN MASYARAKAT  
MAKMUR DAN MEMPUNYAI  
EKONOMI BERSAING, DINAMIK,  
GIAT DAN KENTAL  
(BERDAYA TAHAN)**

**KE ARAH  
PENCAPAIAN  
WAWASAN 2020**

APAKAH  
PERANAN  
PENJAWAT AWAM  
DALAM  
MENJAYAKAN  
WAWASAN 2020?

# PERANAN PENJAWAT AWAM

- ❑ MENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI DI DALAM DIRI
- ❑ MEMAHAMI DAN MENGAPLIKASI SEMANGAT PERSYARIKATAN MALAYSIA
- ❑ TIDAK HANYA BERPUAS HATI DENGAN STATUS QUO
- ❑ MEMAHAMI DAN MENGAPLIKASIKAN KONSEP K-EKONOMI

# PENUTUP

WAWASAN 2020 KEJAYAANNYA BANYAK BERGANTUNG KEPADA :

🏠 KEFAHAMAN DAN AMALAN KEAGAMAAN

🏠 PERSEFAHAMAN ANTARA KAUM

🏠 KESEDIAAN RAKYAT MENERIMA

PERUBAHAN (TIDAK PUAS PADA *STATUS*

*QUO*)

- **KESATUAN NASIONAL**
- **KEADILAN SOSIO-EKONOMI**
- **KEMATANGAN POLITIK**
- **PEMBANGUNAN EKONOMI DAN TEKNOLOGI**
- **PERKEMBANGAN AKHLAK**
- **KEILMUAN YANG TINGGI DAN CANGGIH**

*“ Menjelang tahun 2020, Malaysia dapat menjadi negara bersatu dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang bersaing, dinamik, cergas dan kental”*

# PETUNJUK EKONOMI MALAYSIA

<b>PERKARA/TAHUN</b>	<b>1998</b>	<b>1999</b>	<b>2002</b>
<b>KADAR PENGANGGURAN</b>	<b>3.2 %</b>	<b>3.4 %</b>	<b>3.1 %</b>
<b>BEKALAN ELEKTRIK</b>	<b>95.8 %</b>	<b>96.5 %</b>	<b>97.3 %</b>
<b>BEKALAN AIR</b>	<b>92.9 %</b>	<b>93.4 %</b>	<b>95.9 %</b>
<b>PELANGGAN INTERNET (ORANG)</b>	<b>400,000</b>	<b>700,000</b>	<b>1,157,384</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia

# KADAR KEMISKINAN

<b>PERKARA/TAHUN</b>	<b>'97</b>	<b>'98</b>	<b>'99</b>	<b>'00</b>	<b>'01</b>	<b>'02</b>
<b>BANDAR (%)</b>	<b>12.6</b>	<b>7.1</b>	<b>3.6</b>	<b>2.1</b>	<b>3.5</b>	<b>3.4</b>
<b>KAMPUNG (%)</b>	<b>37.7</b>	<b>21.1</b>	<b>14.9</b>	<b>10.9</b>	<b>15.0</b>	<b>12.4</b>
<b>KESELURUHANNYA (%)</b>	<b>29.2</b>	<b>16.5</b>	<b>8.7</b>	<b>6.7</b>	<b>8.5</b>	<b>7.5</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia

# KUALITI HIDUP

## JANGKA HAYAT

(TAHUN)	1970	1990	1998	1999
LELAKI	61.6	68.6	69.7	69.8
PEREMPUAN	65.6	73.3	74.7	74.8

<u>K.KEMATIAN BAYI/1000</u>	39.4	13.0	8.3	7.9
-----------------------------	------	------	-----	-----

<u>CELEK HURUF(%)</u>	58.0	85.0	94.0	95.0
-----------------------	------	------	------	------

# KUALITI HIDUP

PERKARA	1980	2000
PENGANGKUTAN & KOMUNIKASI	87.36	115.11
KESIHATAN	83.24	114.18
PENDIDIKAN	85.97	113.25
PERUMAHAN	90.52	116.32
KESELAMATAN AWAM	78.40	83.99
HIBURAN	-	106.96

# **KADAR INFLASI**

<b>PURATA 1970-AN</b>	<b>5.8%</b>
<b>PURATA 1980-AN</b>	<b>3.3%</b>
<b>PURATA 1990-AN</b>	<b>3.4%</b>
<b>PURATA 1971-90</b>	<b>4.6%</b>
<b>PURATA 1991-2000</b>	<b>3.4%</b>
<b>1998</b>	<b>5.3%</b>
<b>1999</b>	<b>2.8%</b>
<b>2000</b>	<b>1.6%</b>

**“TIDAK AKAN WUJUD  
MALAYSIA YANG MAJU  
SEPENUHNYA SEHINGGA  
KITA MENGATASI  
SEMBILAN CABARAN  
YANG KITA HADAPI SEJAK  
KELAHIRAN KITA SEBAGAI  
NEGARA MERDEKA”**

**SEKIAN**

**TERIMA KASIH**

## PERSETUJUAN SEBULAT SUARA

i.e:

SEMUA PIHAK/KAUM DALAM  
SESEBUAH NEGARA ITU  
BERSETUJU BERGERAK BERSAMA-  
SAMA ATAU MEMAINKAN PERANAN  
YANG SAMA DI DALAM MENCAPAI  
MATLAMAT/VISI YANG HENDAK  
DICAPAI UNTUK KEBAIKAN SEMUA  
PIHAK

# STATUS QUO

SEBAGAIMANA KEADAAN SEBELUMNYA,  
SEBAGAIMANA KEADAANNYA SEKARANG

APA YANG ADA PADA KEADAAN  
SEMASA/SEKARANG DIKEKALKAN

KEKALKAN SITUASI/SISTEM YANG ADA  
SEBAB SUDAH SELESA/SERONOK DENGAN  
APA YANG DIMILIKI  
BERLAWANAN DENGAN ORANG YANG  
DINAMIK - INGIN BERUBAH